

Hasliza
Hassan



hasliza@bharian.com.my

Ramai terlanjur berzina kerana tiada budaya tegur menegur

Pasangan remaja berani buat aksi 'melampau' sebab masyarakat tak peduli

"BOLEH pandang-pandang, jangan pegang-pegang, duduk renggang-renggang, bertambah sayang. Biar malu-malu, biar segan-segan, kerna malu itu, perisai orang beriman."

Lirik lagu *Kalau Berpacaran* nyanyian Sohaimi Mior Hassan, Ana Raffali dan Altimet itu turut menghangatkan sesi Muzakarah Pakar Menangani Zina serta Pembuangan Bayi di Kalangan Remaja dan Pelajar Sekolah anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), baru-baru ini.

Walaupun media dikecam sebagai antara punca golongan remaja dan pelajar terdedah gejala sosial yang kian meruncing, mahu tidak mahu, kuasa media turut diperakukan dalam usaha mencari kaedah berkesan mendidik remaja supaya tidak terbabat zina.

Rasionalnya, jika media mempromosikan gaya hidup berpandukan agama serta budaya masyarakat dalam penerbitan drama, penciptaan lagu serta penulisan baik berita atau karya kreatif, sedikit sebanyak akan memberi kesedaran kepada masyarakat.

Begitu juga lagu *Kalau Berpacaran* yang mengingatkan mengenai tatasusila dalam perhubungan, apabila diperdengarkan atau dinyanyikan selalu pasti akan meresap dalam jiwa seterusnya menyedarkan remaja yang tersasar selama ini.

Justeru, mungkin ada sebabnya media tersebarai dalam punca remaja terdedah gejala negatif, malah disebut berulang kali pada seminar sehari itu yang berusaha sedaya mungkin melerai kekalutan masyarakat untuk menghasilkan jalan penyelesaian berkesan.

Antaranya, komen Pengarah Kem Modal Insan Kewaja, Yahya Mohamed Yusof, bahawa hasil kreatif serta fantasi digambarkan dalam drama atau filem memaparkan hubungan intim lelaki dan wanita bukan muhrim menjadikan seolah-olah ia budaya diterima masyarakat.

11 tahun dan paling tua ialah 43 tahun.

Pendekatan kerohanian diamalkan selain kaunseling ialah membaca surah Yasin setiap kali selepas solat dan airnya digunakan untuk mandi serta minuman.

Yahya mengakui untuk mengharamkan adegan dalam drama memang sukar dan menyaranakan supaya diwajibkan setiap penerbit menyelitkan nasihat atau meletakkan maklumat tepat mengenai adegan ditayangkan.

"Sebelum atau selepas tayangan, beritahu apa yang ditonton bukan budaya kita. Manusia ini perlu diingatkan selalu. Nak harap tonton *Forum Perdana* atau *Al-Kuliyah* tidak ramai, jadi jika perlu selitkan ustaz dalam cerita Korea, kenapa tidak.

"Jika dalam filem itu, bukan suami isteri, letak amaran jangan tiru adegan ini. Dalam panggung wayang sebelum filem ditayangkan, siarkan ayat yang melarang zina. Gunakan pendekatan sama seperti kempen nak lawan denggi atau AIDS," katanya.

Beliau berkata, daripada maklumat dikumpulkan sepanjang menguruskan remaja hamil, dapat dirumuskan perbuatan zina yang berlaku kebanyakannya bukan disebabkan terlanjur, tetapi sudah dirancang terutama oleh lelaki yang bijak menggunakan kesempatan.

Katanya, pengakuan ingin mencuba pula adalah jawapan standard mereka dan itu membuktikan kejahilan remaja hari ini mengenai hakikat dosa.

"Apabila saya tanya kenapa buang bayi, mereka kata tidak tahu nak pergi mana. Selalunya yang buang bayi ialah mereka yang keseorangan berhadapan masalah ini.

"Tetapi ini gambaran mereka yang melakukannya perkara ini tidak faham makna dosa. Kita perlu cari definisi dosa supaya anak faham akan kesannya dan saya berharap ulama serta mereka yang arif dapat membantu," katanya.

Beliau berkata, amalan tegur menegur yang sudah hilang dalam masyarakat perlu disuburkan semula dan jika perlu diadakan kempen



"Bahan porno atau internet hanya ibarat pil perangsang saja kerana punca berlakunya salah laku dan zina sudah disediakan oleh perkara yang dimesrakan seperti adegan bercinta yang perlu ada pelukan, ciuman dan bersunyi-sunyian"

Yahya Mohamed Yusof
Pengarah Kem Modal Insan Kewaja

Katanya, bahan porno atau internet sebagai iberat pil perangsang saja kerana punca berlakunya salah laku dan zina sudah disediakan oleh perkara yang dimesrakan seperti adegan bercinta yang perlu ada pelukan, ciuman dan bersunyi-sunyian.

“Sekarang dalam rumah bukan suami isteri saja. Kenapa ini berlaku? Kerana ada pihak menghalalkan budaya itu dalam drama atau filem mereka. Pihak penapis pun tidak mampu berbuat apa-apa,” katanya.

Beliau yang membentangkan kertas kerja bertajuk ‘Mendekati Remaja Terlanjur - Keadah dan Penyelesaian’ berkata, perkara itu bukan rekaan, tetapi realiti berlaku yang dikutip daripada pengalaman mengendalikan kes remaja hamil hasil perbuatan zina.

Pernah katanya, remaja bawah umur yang datang ke Kewaja tanpa pengetahuan keluarga ingin dibawa pulang ibu bapa apabila dimaklumkan untuk diuruskan sendiri tanpa rasa ragu atas alasan perkara itu sudah ‘biasa’ di kampung mereka.

Rumah perlindungan Kewaja ditubuhkan Yahya pada 1988 mulanya hanya menerima pelajar tidak mahu bersekolah, lari dari rumah atau terbabit penagihan dadah dan ganja. Namun, selepas 1996, apabila ramai remaja hamil datang mendapatkan bantuan, Yahya terpaksa menerima.

Sejak itu hingga kini, seramai 2,500 gadis dan wanita hamil dibantu Kewaja yang mampu menampung 70 orang pada satu-satu masa. Mengikuti rekod, penghuni termuda berumur

menggalakkan tegur menegur sebagai cara membantu remaja yang tidak pandai mengawal urus cinta dan seks.

Yahya berkata, walaupun amalan tegur menegur sukar dilaksanakan, tetapi sikap ambil berat itu mampu menangani salah laku dalam kalangan remaja dan tidak mustahil jika dibudayakan, masyarakat bebas perbuatan zina dan buang bayi.


“Sifar zina dan buang bayi tidak mustahil kerana yang penting usaha perlu berterusan. Isteri saya setiap kali nampak pasangan menjolok mata, dia akan tegur. Mula-mula saya setuju, tetapi apabila ada yang marah dan meludah, saya nasihat isteri hentikan.

“Namun, dia kata ini tugas kita. Jadi, jika jiran sebelah rumah orang bujang, apabila nampak ada perempuan masuk, inilah tugas kita untuk menegur. Memang mencabar, tetapi kena buat juga. Jika perlu kempen untuk galak tegur menegur, pihak berkuasa anjurkanlah kempen,” katanya.

FAKTA NOMBOR

2.4 peratus

Remaja terbabit hubungan seks luar nikah menurut
Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia 2004



REMAJA kini tidak segan silu berdua-duaan yang jelas melanggar tatasusila dan ajaran Islam.



GEJALA pembuangan bayi makin berleluasa dalam masyarakat kini.





PESERTA Muzakarah Pakar, Menangani Zina serta Pembuangan Bayi di Kalangan Remaja dan Pelajar Sekolah anjuran IKIM.

Hukuman tak mampu cegah remaja terbabit jenayah sosial

AKIBAT panik apabila mengetahui diri hamil disebabkan salah laku, maka langkah diambil ialah melakukan pengguguran. Jika selamat tidak mengapa, tetapi bagaimana jika sebaliknya seperti berlaku pendarahan, jangkitan atau kesan jangka panjang menyebabkan tidak boleh hamil.

Pegawai Perubatan, Bahagian Reproduksi Manusia, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Dr Hamidah Mohd Hassan, berkata pemikiran tidak cukup matang menyebabkan remaja lemah membuat keputusan yang menjurus kepada risiko.

Oleh itu, apabila berhadapan masalah, mereka cenderung mengambil jalan singkat tanpa memikirkan kesan jangka panjang menyebabkan berlaku jenayah tidak terancang seperti pengguguran dan pembuangan bayi yang berlaku kini.

“Pemikiran tidak cukup ini juga kita boleh lihat apabila remaja itu beritahu mereka mengadakan hubungan seks tanpa dirancang walaupun untuk kali yang kelima atau keenam. Mereka kata, tujuan pergi rumah teman lelaki hanya untuk berjumpa dan tak tahu bagaimana boleh adakah hubungan seks.

“Saya sendiri kena ada muka selamba mendengar cerita mereka. Ada yang mengaku ‘beromen’ di tangga kecemasan kompleks beli-belah,” katanya pada Muzakarah Pakar Menangani Zina serta Pembuangan Bayi di Kalangan Remaja dan Pelajar Sekolah anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Beliau yang membentangkan kertas kerja bertajuk ‘Dasar dan Polisi: Apakah yang Telah Dilakukan bagi Menangani Zina dan Pembuangan Bayi di Kalangan Remaja dan Pelajar Sekolah’ berkata, sukar mencari penyelesaian mudah kerana membabitkan banyak pihak.

Katanya, dasar dan polisi sudah dibangunkan kerajaan melalui kementerian dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) ke arah meningkatkan kefahaman serta membentuk remaja lebih bertanggungjawab, tetapi nampaknya masih belum mampu membebaskan mereka daripada terjebak gejala sosial.

Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia (MPFS) 2004 mendapati 2.4 peratus remaja terbabit hubungan seks luar nikah sementara kajian Universiti Teknologi Mara (UITM) pada 2005 mendedahkan 50 peratus pelajar dari empat universiti terbabit hubungan seks luar nikah.

Kajian MPFS juga mendapati 21.2 peratus

remaja mengenali rakan hamil luar nikah di mana 10 peratus darinya menggugurkan kandungan dan 13.6 peratus mengetahui lokasi pusat pengguguran.

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) melaporkan 214,000 anak tak sah taraf didaftar sepanjang 2004 hingga 2009.

Faktor dikenal pasti menyumbang kepada salah laku seksual termasuk persepsi remaja bahawa perbuatan itu tidak menyebabkan kehamilan, tidak mendatangkan penyakit, bukti cinta dan rakan lain juga melakukannya.

Faktor keluarga menjurus kepada kurang kawalan, tidak mendapat perhatian, kurang sokongan, keluarga berpecah belah, sementara pengaruh persekitaran merujuk bahan pornografi, teknologi baru seperti internet, kamera video, tempat hiburan dan tempat sunyi.

Justeru, Hamidah menyarankan lima penyelesaian menyeluruh perlu diambil keluarga, sekolah, komuniti dan agensi berkaitan dimulakan dengan pencegahan, intervensi, sokongan, rehabilitasi dan perundangan.

Katanya, kerajaan perlu mengkaji semula polisi, penggubalan undang-undang dan penguatkuasaan serta menyokong agensi atau pertubuhan bukan kerajaan yang terbabit dalam program berkaitan pembangunan remaja.

Sementara itu, Pesarah Jabatan Undang-Undang Islam Universiti Islam Antarabangsa, Datin Dr Paizah Ismail, berkata undang-undang yang cukup berkesan diperlukan untuk menghadapi realiti kes perzinahan dan pembuangan anak sekarang ini.

Beliau berkata, walaupun agak janggal untuk mengatakan undang-undang jenayah syariah di Malaysia tidak cukup mampu berperanan sebagai satu faktor pencegah gejala berkenaan daripada berleluasa, tetapi itulah hakikatnya.

“Bidang kuasa yang sedikit dan tradisi mahkamah yang kurang mantap, tidak banyak boleh diharap daripada undang-undang syariah untuk menyelesaikan masalah zina serta buang bayi. Peruntukan yang ada tidak mampu memberi kejutan kepada remaja yang terbabit perlakuan itu,” katanya.

Kertas kerja beliau yang mengupas perspektif undang-undang jenayah syariah dalam kes zina dan buang bayi dalam kalangan pelajar sekolah turut membangkitkan sikap prejudis masyarakat hingga meletakkan undang-undang syariah pada



Hamidah Mohd Hassan

kedudukan serba salah.

Contoh sikap prejudis itu ialah pandangan serong sesetengah pihak terhadap hukuman rotan dikenakan kepada peminum arak perempuan yang pastinya akan menimbulkan reaksi sama jika undang-undang sama dikenakan kepada perempuan melahirkan anak di luar ikatan pernikahan.

Katanya, akan ada golongan yang mencemuhi undang-undang Islam dengan mengatakan ia berat sebelah dan kurang bertamadun kerana menghukum perempuan saja sedangkan lelaki yang menyebabkan perempuan mengandung tidak dikenakan tindakan.

“Realiti ini meletakkan undang-undang syariah hanya peranan kecil yang bersifat pinggiran atau sebagai faktor pembantu usaha mendidik dan mengawal masyarakat saja. Hakikatnya, undang-undang Islam mempunyai hukuman komprehensif bagi menghadapi gejala seperti itu,” katanya.

Katanya, undang-undang syariah di negara ini mempunyai peruntukan mengenai kesalahan berzina dan walaupun kesalahan membuang bayi tidak diperuntukkan secara khusus, tetapi hukuman melahirkan anak luar nikah boleh diguna pakai.

Kesimpulannya, banyak kajian dan program dianjurkan ke arah mengurangkan pembabitan remaja dan belia dalam aktiviti menjurus kepada jenayah sosial, namun harapan melihat perubahan positif masih tinggal harapan.

Bagaimanapun, itu bukan alasan membiarkan kudis yang masih bernanah terus merebak sebaliknya penawar yang ada perlu digunakan dan pada masa sama, berusaha mencipta antidot baru yang kesannya lebih kuat supaya penyakit ini bukan saja dapat disembuhkan, tetapi dihalang daripada dijangkiti.